

USIM promosi debat ke Indonesia

DEBAT adalah medan utama mengasah bakat dan menilai tahap kepetahan seseorang berhujah.

Selain membina keyakinan pada diri peserta, ia juga melatih para pendebat menggali pelbagai khazanah ilmu bagi mengukuh dan menyokong hujah mereka.

Pada masa yang sama, debat juga mampu memperkukuh tatabahasa dan penguasaan sesuatu bahasa.

Menyedari hakikat itu, Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajarnya (BHEP) baru-baru ini telah mengadakan lawatan kerjasama antarabangsa ke Indonesia bagi mempromosi pertandingan tersebut.

Sebagai universiti yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi utama,

penganjuran itu diharapkan dapat menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa global.

Pengarah program, M. Syamsul Anam Qamarul Huda berkata, objektif lawatan itu bertujuan mengeratkan hubungan persaudaraan antara USIM dengan Universiti Islam di Indonesia dalam mempromosi dan menarik penyertaan pertandingan debat yang akan diadakan pada September nanti.

“Kami telah berbincang dengan Universiti Muhammadiyah Jakarta, Universiti Al-Azhar, dan Universiti Islam Nusantara bagi menarik penyertaan pasukan debat mereka untuk menyertai pertandingan ini,”katanya.

Program yang menjadi takwim tahunan USIM ini adalah kesinambungan kejayaan dalam penganjuran Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT ASEAN.



MAHASISWA USIM bergambar di hadapan bangunan utama Universitas Al-Azhar, Indonesia.